



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **23 Dec2021 (Thursday)**

### **Berita Harian**

Tiada elektrik punca pintu air tak dapat dibuka 1  
KWP bantu mangsa banjir sejak 18 Disember 2

### **Utusan Malaysia**

Shah Alam perlu banyak kolam 3

### **Harian Metro**

Bilangan mangsa banjir di empat negeri meningkat 4  
Siapa tidak buat kerja? 5

### **Kosmo**

Jangan banjir lagi baru cuci rumah 6

### **Sinar Harian**

Alat pembersihan, susu antara yang diperlukan 7  
Rekahan tanah di susur keluar Bulatan Melawati 8

### **Astro Awani**

MKN- Noh Nafikan Dakwaan MB Selangor 9

### **Era FM**

Banjir Kerajaan Selangor Umum Bantuan Wang ihsan 10

### **Sinar FM**

Hujan Lebat Luar Biasa Jejaskan Persediaan 11  
Kutipan Sampah Di Daerah Sepang Meningkatkan 12

### **The Star**

Sluice gates finally working floodwaters to be drained faster 13

### **BFM89.9**

Selangor MB Will Resume Charing The State National Security Council 14  
Selangor MB Will Resume Charing The State National Security Council (R) 15  
Structual Issues Of The Indah Ria Apartment (R) 16  
Volunteer Should Work With The State (R) 17

### **Lite FM**

MB: Jammed Sluice Gate In Sri Muda Resolved, Flood To Recede Faster 18  
MB: Jammed Sluice Gate In Sri Muda Resolved, Flood To Recede Faster 19

### **Mix FM**

Banjir Kerajaan Selangor Umum Bantuan Wang ihsan 20

### **Sin Chew Daily**

Nge Sze Han and KDEB patrol; large-scale cleanup of disaster-hit areas by the state government 21

"Clean up garbage in disaster areas are free", Ng Seng Nam refutes need to pay RM300 rumour 22

Selangor MB: Taman Muda sluice can drain the flood, remove the vehicles and recovery 23



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



MPKL and KDEB cooperate to speed up cleaning large size of garbage in disaster arease24lectricity	
Water supply cut off for 2 days due to the impact; water supply restored to 28 areas in Balakong	25
<b>Nanyang Siang Pau</b>	
Menteri Besar of Selangor: already not president of Majlis Keselamatan Negara Selangor, if in possession of MKN will immediately send military police	26
Selangor government announced the aid application procedures on the 27th	27
<b>Guang Ming Daily</b>	
Melawati Roundabout heading towards Klang on the Federal Highway appears to be cracked and sinking and Shah Alam City Council is currently undergoing emergency repairs	28
Menteri Besar of Selangor was not the president of Majlis Keselamatan Negara Selangor and could not mobilize military personnel for disaster relief. He returned of MKN after the flood.	29
Menteri Besar of Selangor: The sluice in Taman Sri Muda resumed operation and the floodwater was quickly drained	30
Ng Seng Nam: It's free to clean up the trash, and the victims don't need to pay	31
Ng Sze Han: The amount of rubbish after the Padang Jawa disaster increased with 37 trips a night	32
Selangor government allocates RM100 million to help rebuild victims' homes and announces the application procedures on the 27th	33
Noh Omar refutes Menteri Besar's substitution statement, saying that I am still the president of Majlis Keselamatan Negara Selangor	34
Destroying the forest to build houses and shopping malls caused the flood to worsen, Lawyers for Environmental Rights litigated the forest destruction action	35



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>23 December 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Tiada elektrik punca pintu air tak dapat dibuka
Muka Surat	:	4

# Tiada elektrik punca pintu air tak dapat dibuka

## Pengepaman dari saluran utama bantu turunkan aras banjir di Taman Sri Muda

Oleh Ruwaida Md Zain  
 bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Tiada bekalan elektrik selain tekanan air tidak seimbang menyebabkan pintu air di Taman Sri Muda tidak dapat dibuka bagi mengalirkan air banjir ke sungai berdekatan. Berikutan itu, aras air banjir mencecah 1.5 hingga 3 meter membabitkan hampir 95 peratus kawasan Taman Sri Muda, menenggelamkan pintu air, rumah pam serta kolam takungan banjir sehingga menyebabkan sistem infrastruktur dan bekalan elek-

trik terputus sehingga semalam. EXCO Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Izham Hashim, berkata semalam dua daripada tiga pintu air berjaya dibuka seluas 0.5 meter bagi mengalirkan air keluar.

"Ketiadaan bekalan elektrik menyebabkan pintu air tidak boleh beroperasi dengan sempurna. Perbezaan *head* yang tinggi di mana keadaan aras aliran saluran utama Taman Sri Muda masih tinggi termasuk aras banjir sedia ada berbanding paras air Sungai Klang, turut memberi tekanan yang tinggi kepada pintu air itu.

"Jika ada bekalan elektrik, maka pintu air dapat dibuka dengan sempurna. Tanpa elektrik, pintu air perlu dibuka secara manual dengan mengambil keadaan risiko ia akan rosak dan gagal berfungsi jika *shaft* besi kawalan bengkok atau berpintal," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Oleh itu, katanya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor bertindak meneruskan pengepaman air dari saluran utama sehingga aras yang seimbang bagi mengurangkan tekanan kepada pintu air, menggunakan empat unit pam bergerak dengan jumlah kapasiti 960 liter sesaat.

"Secara tidak langsung, pam ini berjaya membantu menurunkan aras banjir di Taman Sri Muda. Hari ini (semalam), pintu air dibuka untuk mengeluarkan air banjir dari Taman Sri Muda dengan keadaan pintu air nombor satu kekal ditutup bagi tujuan operasi pam, manakala pintu air nombor dua dan nombor tiga dibuka seluas 0.5 meter," katanya.

Menurutnya, aras banjir juga memberi kesan kepada rumah pam kekal di Kolam Takungan Banjir Taman Sri Muda untuk berfungsi menyalurkan air banjir, manakala pencawang elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB)

yang tenggelam semasa banjir menyebabkan empat unit pam berkapasiti 2000 liter sesaat dihenti tugas akibat ketiadaan bekalan elektrik.

Izham berkata, pengoperasian empat unit pam bergerak di pintu air Persiaran Budiman berjaya menurunkan aras banjir di Taman Sri Muda, membolehkan jana kuasa bergerak TNB dibawa masuk ke rumah pam Kolam Takungan Banjir Taman Sri Muda pada jam 4 pagi semalam setelah kenderaan mangsa banjir di sepanjang jalan dialihkan.

"Rumah pam dijangka beroperasi hari ini (semalam) tertakluk kepada proses pengoperasian dan pembaikan komponen mekanikal dan elektrikal rumah pam. Kerajaan Negeri berharap bekalan elektrik dapat dipulih segera agar pintu air dapat beroperasi sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata, struktur pintu air berfungsi sebagai struktur kawalan aliran bagi saluran utama Taman Sri Muda dan meng-

“Tanpa elektrik, pintu air perlu dibuka secara manual dengan mengambil keadaan risiko ia akan rosak dan gagal berfungsi jika shaft besi kawalan bengkok atau berpintal”

**Izham Hashim,**  
 EXCO Infrastruktur,  
 Kemudahan Awam,  
 Pemodenan  
 Pertanian dan  
 Industri Asas  
 Tani Selangor



halang kemasukan air Sungai Klang ke saluran utama Taman Sri Muda semasa kesan air pasang tinggi.

"Struktur pintu air ini mempunyai tiga pintu yang berfungsi secara automasi dan pengoperasian bergantung kepada bekalan elektrik daripada TNB," katanya.

Sementara itu, katanya, taburan hujan luar biasa di Selangor antara 100 milliliter (mm) ke 400 mm secara berterusan mulai 17 hingga 19 Disember mengakibatkan banjir di 186 kawasan membabitkan sembilan daerah di Selangor.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>23 December 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	KWP bantu mangsa banjir sejak 18 Disember
Muka Surat	:	8

## KWP bantu mangsa banjir sejak 18 Disember

**Putrajaya:** Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Perbadanan Putrajaya (PP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sudah memulakan operasi membantu mangsa banjir di luar dua Wilayah Persekutuan itu sejak 18 Disember, bukan selepas empat hari bencana itu melanda Selangor.

Menterinya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, berkata KWP sentiasa memastikan pengurusan banjir di Kuala Lumpur dalam keadaan terbaik, namun pada masa sama tetap tidak lupa menyumbang tenaga dengan membantu mangsa banjir di luar Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata, operasi bantuan KWP melalui DBKL di luar Kuala Lumpur bermula pada 19 Disember, manakala melalui Perbadanan Putrajaya (PP) pula, bantuan di kawasan yang terjejas banjir dihulurkan sejak 18 Disember lagi.

"DBKL menghantar bantuan ke kawasan Kampung Baru Hicom, Seksyen 26, Shah Alam pada 19 Disember dan Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam pada 20 Disember. Sejak 19 Disember hingga kini, DBKL sudah mengerah 121 orang anggota Jabatan Penguatkuasaan dan jabatan dalaman lain serta menghantar asetnya ke kawasan ter-babit.

"DBKL juga menyediakan enam tandas bergerak dengan sebuah tangki air untuk kemu-



Shahidan bersama kakitangan DBKL yang menyertai misi bantuan mangsa banjir di Taman Sri Muda, Seksyen 25 Shah Alam, semalam. (Foto BERNAMA)

dahan mangsa banjir," katanya dalam kenyataan semalam.

Sehubungan itu, katanya, tidak benar dakwaan di laman sosial bahawa KWP melalui agensinya hanya bertindak menghulurkan bantuan selepas empat hari kejadian banjir menimpa negeri jiran, Selangor.

"Kuala Lumpur juga berdepan banjir buruk dan tanah

runtuh akibat hujan lebat berterusan. DBKL terbabit dengan kerja-kerja operasi membantu, menyelamatkan dan membersihkan kawasan yang terkesan dengan banjir di ibu kota," katanya.

Beliau berkata, antara tindakan dan bantuan disalurkan, termasuk menyelamatkan dan memindahkan 57 mangsa terkandas di kawasan banjir,

mengagihkan makanan kepada mangsa bencana itu hasil sumbangan KK Mart dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

PPj pula, katanya, menggerakkan bot ke Kampung Sungai Serai, Hulu Langat dan tiga unit 'sailing optimis' untuk menghantar makanan ke Taman Baiduri, Dengkil sejak 18 Disember, manakala pada 20

Disember, menggerakkan misi membantu mangsa banjir sekitar Mukim Labu, Dengkil dan Kampung Olak Lampik, Kuala Langat.

Katanya, bantuan diteruskan dengan PPj menggerakkan 50 anggota dan sukarelawan bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan serta bantuan ke Kampung Labu Lanjut, Sepang, selain dua lori, dua lori tangki, 15 kenderaan pacuan empat roda dan jentolak.

"PPj juga menyediakan peralatan pembersihan seperti 15 unit 'water jet', tiga unit pam air, satu set jana kuasa dan empat tong sampah 'roro' bagi tujuan itu. Kerja-kerja tertumpu kepada pembersihan kemudahan awam seperti surau An Nur Desa RTB, masjid, balai raya mini serta taman permainan kanak-kanak," katanya.

Katanya, kemudahan tumpuan itu di kawasan sekitar Kampung Baru Lanjut, iaitu di Taman Dataran Abadi, Kampung Baru Lanjut, Taman Salak Pekerti, Taman Salak Budi, Taman Indah Puteri, Taman Salak Kasturi, Taman Intan Baiduri, Perumahan Haji Malik dan Taman Salak Lestari.

"Untuk misi bantuan di Sepang ini, ia turut dibantu pelbagai agensi, antaranya Pejabat Daerah dan Tanah Sepang, Majlis Perbandaran Sepang, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia," katanya.



<b>KERATAN AKHBAR</b>	
<b>23 December 2021</b>	
Akhbar	: Utusan Malaysia
Tajuk Berita	: Shah Alam perlu banyak kolam
Muka Surat	: 18

# Shah Alam perlu banyak kolam

**SAUDARA PENGARANG.**

**BENCANA** banjir di Shah Alam, Selangor sudah jadi rutin biasa setiap kali hujan lebat. Kemuncaknya pada Ahad lalu yang disifatkan antara terburuk pernah berlaku.

Bandar raya yang mempunyai penduduk lebih 600,000 orang itu boleh dikatakan lumpuh sepenuhnya dengan semua laluan yang menghubungkannya dengan bandar lain terputus.

Terdapat juga pemandu terpaksa bermalam dalam kenderaan masing-masing sehingga tengah hari esoknya setelah laluan untuk pulang ke rumah mereka ditenggelami air antara dua hingga tiga meter berikutan hujan lebat luar biasa di Lembah Klang.

Dalam media sosial turut tular klip video berapa kejadian pecah masuk kedai serbaneka dipercayai dilakukan individu yang kelaparan setelah kehabisan bekalan makanan akibat terkandas banjir.

Saya berpendapat, pembinaan lebih banyak kolam takungan banjir baharu di lokasi yang selalu ditenggelami banjir kilat adalah langkah terbaik.

Antaranya di Seksyen 13, Seksyen 23 dan Seksyen 25, Taman Sri Muda serta Seksyen 26, Kampung Baru Hicom yang terletak dipinggir Sungai Klang. Ia wajar dilaksanakan segera oleh kerajaan negeri bagi mengelak penduduk terus menanggung derita.

Kolam takungan banjir dan pam air sedia ada termasuk di Seksyen 13 dan Taman Sri Muda sudah tidak lagi mampu menampung hujan lebat luar biasa akibat fenomena perubahan iklim.

Pembangunan pesat Shah Alam juga memburukkan lagi keadaan apabila sistem saliran tersumbat dengan sisa pembinaan manakala kawasan hijau telah diganti binaan

konkrit serta jalan berturap menyebabkan air tidak dapat diserap secara semula jadi.

Kaedah pembinaan kolam takungan bawah tanah boleh dipertimbangkan jika faktor tanah yang terhad jadi penghalang.

Di Bangkok, Thailand, projek mitigasi Chulalongkorn University Centenary Park, mempunyai kolam takungan banjir bawah tanah dan turut digunakan sebagai kawasan rekreasi untuk orang awam.

Mengambil contoh di Kuala Lumpur pula, projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Bunus dan kolam takungan Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir (SMART) di Kampung Berembang dan beberapa buah lagi kolam takungan di bawah seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) banyak membantu mengurangkan kejadian banjir kilat di ibu kota.

Banjir kilat yang sering berlaku di Jalan Tun Razak berhampiran Institut Jantung Negara (IJN) telah dapat diatasi dengan siapnya projek kolam takungan banjir Kampung Boyan yang merupakan salah satu daripada tujuh pakej utama RTB Sungai Bunus.

Jika tidak kerana kolam takungan banjir di Kuala Lumpur, pastinya keadaan banjir pada Sabtu dan Ahad lalu lebih buruk lagi.

Akhir sekali, kerajaan negeri Selangor bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) diharap dapat mencari jalan untuk mengatasi masalah banjir yang sering berlaku di Lebuhraya Persekutuan, Lebuhraya Lembah Klang Utara (NKVE) dan jalan-jalan lain di sekitar Shah Alam.

Ini bagi mengelak insiden pengguna jalan raya terperangkap berjam-jam di dalam kenderaan berulang lagi pada masa hadapan.

**M. FAISAL**  
 Kuala Lumpur



**ANGGOTA** Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengadakan operasi menyelamatkan mangsa banjir di Seksyen 23, Shah Alam pada Ahad lalu. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON



**KERATAN AKHBAR**  
**23 December 2021**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Bilangan mangsa banjir di empat negeri meningkat
Muka Surat	:	2



MANGSA banjir di Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam kembali ke rumah bagi melihat keadaan kediaman mereka selepas paras air semakin surut.

## Bilangan mangsa banjir di empat negeri meningkat

**Kuala Lumpur:** Situasi semasa bencana banjir yang memasuki hari keenam sejak melanda negara 17 Disember lepas dilihat semakin baik berikutan peningkatan mangsa di pusat pemindahan sementara (PPS) tidak begitu mendadak pada pagi semalam berbanding kelmarin.

Negeri yang mengalami peningkatan jumlah mangsa di PPS adalah Pahang, Selangor, Negeri Sembilan dan Perak manakala Melaka kekal serta Kelantan terus mencatatkan penurunan.

Bagaimanapun, Kementerian Alam Sekitar dan Air (Kasa) kelmarin memaklumkan paras air sungai di beberapa negeri yang terlibat banjir masih berada pada paras amaran dan waspada kecuali di beberapa kawasan di Pahang yang menunjukkan trend menaik dan paras bahaya.

Di Pahang, aplikasi Info Bencana Jabatan Kebajikan



SUKARELAWAN dari pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis) membantu mangsa banjir di Kampung Bangi. Gambar NSTP/AZHAR RAMLI

Masyarakat (JKM) melaporkan jumlah mangsa banjir pagi semalam seramai 42,529 orang di 281 PPS di semua daerah kecuali Rompin dan Cameron Highlands.

Beberapa sungai utama juga masih melebihi paras bahaya dengan trend menaik seperti di beberapa lokasi di Sungai Pahang ter-

masuk Water Front Bera, Lubuk Pasu (Temerloh), Lubuk Paku (Maran) dan Kuala Sungai Chini (Pekan).

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) pula meramalkan cuaca di setengah kawasan di Bera dan Bentong hujan pagi semalam manakala di daerah lain cuaca baik sebelum ribut petir dijangka berlaku di se-

setengah kawasan pada sebelah petang.

Sementara itu, pemegang konsesi lebuh raya utama di Pahang, Anih Bhd melaporkan laluan Bentong ke Karak di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak dan laluan Chenor ke Karak di Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1) belum boleh dilalui bagi kedua-dua arah.

Jumlah mangsa banjir di Selangor pula berlaku sedikit peningkatan pada pagi semalam iaitu seramai 23,633 orang daripada 6,422 keluarga berbanding 23,375 orang daripada 6,349 keluarga pada malam kelmarin, melibatkan 128 PPS.

Selain itu, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor memaklumkan 15 jalan raya termasuk lima lorong masih ditutup bagi laluan kenderaan setakat 4 pagi semalam, melibatkan sembilan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) negeri ini.

Penutupan jalan itu mem-

babitkan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya dengan lima jalan; masing-masing dua di IPD Petaling Jaya dan Kuala Selangor; manakala satu jalan ditutup masing-masing di IPD Kuala Langat, Sepang, KLIA, Hulu Selangor, Shah Alam dan Sabak Bernam.

Di Negeri Sembilan, Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) negeri Lt Kol (PA) Mohd Syukri Madnor berkata mangsa banjir setakat 8 pagi semalam adalah 329 orang daripada 89 keluarga di lima PPS bagi daerah Seremban dan Jebebu, iaitu meningkat seorang mangsa berbanding malam kelmarin.

Di Perak, sejumlah 268 mangsa banjir ditempatkan di dua PPS setakat 8 pagi semalam.

Jurucakap APM dan Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Perak berkata cuaca di lokasi banjir mending selepas hujan re-

nyai pada awal pagi semalam dan banjir dikhuatiri lebih buruk sekiranya hujan lebat berterusan.

Bagaimanapun paras semasa air di Sungai Bidor, Hilir Perak menurun kepada paras amaran iaitu 3.43 meter (m) berbanding kelmarin yang melepasi paras bahaya iaitu 3.80m.

Di Melaka, jumlah mangsa banjir kekal 165 mangsa daripada 41 keluarga setakat 8 pagi semalam, kata Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Melaka Lt Kol (PA) Cuthbert John Martin.

Dalam pada itu, Kelantan menunjukkan penurunan jumlah mangsa banjir setakat 8 pagi semalam melibatkan 2,500 orang berbanding 2,617 orang kelmarin dengan 15 PPS dibuka di dua jajahan iaitu 10 di Pasir Mas dan lima di Kuala Krai, menurut Sekretariat Pengurusan Bencana dan Operasi APM Kelantan Zainuddin Hussin.



**KERATAN AKHBAR**  
**23 December 2021**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Siapa tidak buat kerja?
Muka Surat	:	3

**Kuala Lumpur**

Hujan lebat mula turun di Lembah Klang pada pagi Jumaat, berterusan sepanjang hari hingga ke malam. Tidak lama selepas hujan turun, media sosial dibanjiri rayuan memohon bantuan serta gambar dan klip video memaparkan kenaikan paras air serta kereta dan rumah yang ditenggelami bah di se-tengah kawasan di Selangor dan Kuala Lumpur.

Penduduk Lembah Klang nyata tidak menduga bencana itu yang disifatkan kerajaan sebagai kejadian sekali dalam seabad. Namun, jika jangkaan saintis iklim tepat, Malaysia berkemungkinan mengalami hujan yang lebih lebat dan kejadian banjir lebih banyak pada masa akan datang.

"Kita tidak boleh menyalahkan (cuaca) sebagai satu-satunya punca bencana ini. Faktor manusia merupakan penyumbang utama kejadian," kata Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman, saintis alam sekitar di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Banjir kini sudah surut, masyarakat mula membangkitkan tentang ketiadaan persediaan menghadapi banjir di Lembah Klang. Sekalipun Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) sudah mengeluarkan amaran hujan lebat berterusan di Lembah Klang dan beberapa kawasan lain, tidak ada sebarang peringatan tentang banjir diberikan sehinggalah nasi sudah menjadi bubur.

Pakar Meteorologi Prof Datuk Dr Azizan Abu Samah berkata perkhidmatan kaji cuaca di tiga negara mencerap sistem tekanan rendah yang menyebabkan hujan selama berhari-hari dan memberi amaran kepada kerajaan tentang hujan lebat berterusan yang dijangka melanda.

"Jadi, soalan saya ialah di mana Nadma (Agensi Pengurusan Bencana Negara), di mana MKN (Majlis Keselamatan Negara)?" katanya kepada Bernama apabila diminta mengulas mengenai banjir besar yang melanda antaranya Shah Alam, Hulu Langat dan Klang di Selangor serta sebahagian kawasan di ibu negara sejak Jumaat hingga Ahad lalu.

Menurut laporan media, usaha memindahkan penduduk akan dijalankan ketika paras air mula meningkat namun sesetengah daripada mereka enggan meninggalkan rumah masing-masing kerana bimbang dijangkiti Covid-19 di pusat pemindahan, selain ada juga yang berkeyakinan situasi tidak akan bertambah buruk.

Pakar berkata kejadian

**GAGAL BERI AMARAN AWAL BANJIR BESAR**

**Siapa tidak buat kerja?**



ANGGOTA bomba membawa keluar satu daripada tiga mayat mangsa banjir lumpur di Sungai Telemong, Bentong pada Isnin lalu.

bencana itu menunjukkan bahawa, selain sistem amaran dan tindak balas yang lebih berkesan, ada keperluan untuk kerajaan mengubah dasar dalam menangani dan mengurangkan kesan perubahan iklim, selain meningkatkan kesedaran masyarakat umum.

Sekalipun MetMalaysia sudah memberi amaran lebih awal, ternyata kerajaan dan penduduk Lembah Klang tidak menduga banjir akan melanda. Ini mungkin kerana bencana itu lazimnya hanya boleh berlaku jika beberapa keadaan tertentu hadir serentak.

Pada masa sekarang, Lembah Klang yang terletak di kawasan lembangan di barat daya Semenanjung Malaysia ini jarang dilanda banjir besar seperti dahulu. Namun, jumlah taburan hujan yang turun pada hari Jumaat itu jauh lebih tinggi berbanding taburan hujan bulanan purata sebanyak 200 mm - stesen Sentul merekodkan 363 mm - sesuatu yang disifatkan Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air Datuk Seri Dr Zaini Ujang sebagai mungkin hanya berlaku sekali dalam tempoh seabad.

Dalam pada itu, menurut Dr Azizan yang juga Pengarah Pusat Penyelidikan Antartik Kebangsaan, hujan

berkenaan disebabkan oleh lekukan tropika yang terbentuk akibat sistem tekanan rendah di Laut China Selatan sebelum bergerak ke Semenanjung Malaysia dan melepasi Banjaran Titiwangsa.

"Lebih-lebih lagi - memang resipi bencana - ketika itu merupakan tempoh bulan hampir mengambang, sekali gus air pasang besar melanda Klang (paras laut) kira-kira 4.6 meter. Disebabkan keadaan itu, air yang sepatutnya mengalir ke laut tidak dapat ke laut. Pendek kata, semua ramuan untuk bencana tersedia," jelas beliau.

Pakar-pakar berpandangan sistem amaran awal amat penting untuk mengelakkan kerosakan yang teruk dan kehilangan nyawa. Untuk memastikan sistem itu berjaya, semua agensi berkaitan perlu berkomunikasi dengan lebih baik bagi memberi amaran kepada umum. Dalam bencana hujung minggu itu, Selangor sahaja mencatatkan sekurang-kurangnya 17 korban.

Dr Azizan berkata semua agensi - Nadma, MetMalaysia serta Jabatan Pengairan

dan Saliran (JPS) gagal memberi amaran lebih awal kepada penduduk Lembah Klang sekalipun mempunyai sistem amaran banjir yang baik.

"Sistem ada, seperti di Kelantan dan pantai timur, mereka ada sistem amaran yang baik kerana banjir kerap berlaku di sana. Anda boleh tengok (amaran) menerusi Facebook dan lain-lain, tetapi saya tidak tahu mengapa mereka tidak berbuat demikian di Selangor," tambahnya.

Dr Haliza yang bersetuju dengan pandangan itu, berkata semua agensi terbabit seharusnya sentiasa peka dengan perubahan cuaca dan kesan yang berkemungkinan, serta berkongsi data itu dengan agensi lain agar mereka boleh memberi amaran kepada umum.

"Ini satu pengajaran yang baik kepada kita. Kita tidak boleh salahkan (cuaca) semata-mata. Pada masa akan datang, kita perlu ada sistem amaran awal banjir merupakn bencana utama di negara ini," katanya.

Beliau mengesyorkan supaya kerajaan menerima

guna sistem amaran Covid-19 bagi memberi amaran awal bencana kepada masyarakat dengan memanfaatkan media sosial dan sistem pesanan ringkas.

Kerajaan juga, katanya, boleh mencontohi Jepun dalam menepani bencana, seperti menggunakan siren untuk memberi amaran tentang kecemasan kepada orang ramai, selain menjalankan latihan kecemasan di tempat kerja dan sekolah.

Akan tetapi, amaran semata-mata tidak berguna jika tidak disertakan dengan tindakan.

Penyelidik perubahan iklim Yin Shao Loong daripada Institut Penyelidikan Khazanah, memberitahu Bernama bahawa sistem amaran awal harus disertakan dengan langkah-langkah kesiapsiagaan dan tindak balas pantas oleh Nadma.

"Beban tidak harus dilepaskan kepada orang ramai untuk menjaga kebajikan sendiri jika sumber kerajaan lembab bertindak," katanya. Kerajaan mengemukakan peruntukan RM100 juta dan pelbagai bantuan lain untuk mereka yang terjejas oleh bencana itu, namun pakar meragui jumlah tersebut cukup bagi menampung kerugian yang ditanggung.

Apatah lagi Malaysia sendiri hampir tidak mampu

untuk menanggung perbelanjaan sedemikian jika bencana terus berulang. Bank Dunia menganggarkan Malaysia kerugian sekitar AS\$1.3 bilion setiap tahun akibat perubahan iklim, khususnya banjir.

Yin berkata bencana banjir yang berlaku itu menunjukkan Malaysia belum bersedia untuk menghadapi impak perubahan iklim.

"Wujud masalah sistemik di sini, bermula dari perubahan sistem semula jadi disebabkan perbuatan manusia - penabangan hutan menyebabkan banjir lebih buruk dan memberi kesan ke atas kitaran hidrologi, perubahan iklim menyebabkan cuaca lebih ekstrem - hingga ke sistem manusia seperti pembangunan bandar tidak lestari tanpa pengurusan lembangan sungai dan saliran yang baik, serta ketiadaan penyelarasan dan pengurusan bencana yang berkesan oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata bagi membantu mengurangkan kejadian banjir pada masa depan, kerajaan tidak boleh diabaikan untuk projek lelongan sungai.

"Belanja untuk mencegah akan mengelakkan kita daripada menanggung beban lebih besar akibat biaya pemuliharaan," katanya.

**“ Agensi gagal beri amaran awal kepada penduduk Lembah Klang ”**  
 Dr Azizan



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>23 December 2021</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Jangan banjir lagi baru cuci rumah
Muka Surat	:	2



Penduduk Selangor bimbang gelombang kedua bencana setiap kali hujan lebat  
**'Jangan banjir lagi, baru cuci rumah'**

Oleh RADAN AHMAD,  
 ISKANDAR SHAH MOHAMMAD  
 dan NOORAVATI YAMAYA

**SHAH ALAM** - Penduduk di kawasan terutamanya di Selangor terutamanya di Shah Alam kini mula gelisah dan tidak kena tidak setiap kali hujan kerana mereka bimbang berlaku gelombang kedua banjir yang lebih buruk.

Hujan selama beberapa jam sejak awal pagi semalam di Selangor bukan sahaja menyebabkan beberapa kawasan jalan raya dironggami air, malah ada perompangan yang telah dilanda banjir sebelum ini turut ditakuti air akan lagi.

Perompangan di Saigama Aman, Sungai Buloh antara yang ditakuti air banjir kali kedua apabila banjir mendekati kediaman mereka beberapa jam.

Seorang penduduk di Pang sapari Jaya, Taman TTDD Jaya, Bidadari, 40 berkata, penduduk sudah mula risau memulakan kemunculan berlaku gelombang kedua banjir yang lebih buruk kerana cuaca yang masih tidak menentu ketika ini.

Menurutnya, dia sendiri menghadapi anasir gelombang sekiranya berlaku lagi banjir di kawasan ini kerana mereka baru sahaja membersihkan rumah serta pertukaran lain.

"Dalam kejadian pada Ahad lalu, saya bersama isteri dan tiga perempuan berusia tujuh bulan jadi kelam kabut apabila rumah kami dilanda air sehingga lebih dua meter.

"Sekarang air sudah surut tetapi keadaan cuaca dilihat masih tidak menentu dan saya amat risau jika banjir kali kedua berlaku dalam tempoh singkat," katanya kepada Kosmo's online.

Tidly yang juga tidak gung ting rambur kini sudah bersedia



PENDUDUK membersihkan peralatan rumah di Taman Sri Muda, Shah Alam semalam selepas kawasan itu dilanda banjir buruk.

JULIA PANG/BERNAMA

sepermenya menghadapi selang kemunculan, termasuk mencari rumah tumpangan untuk berteduh.

Seorang lagi penduduk Taman TTDD Jaya, Anson Manor, 42 berkata, dia kini hanya mampu beres-beres susurpa tidak berlaku gelombang kedua banjir yang lebih teruk.

"Kami sekeluarga sentiasa mengulangi pertembuangan terkini mengenai media sosial terutama mengenai cuaca.

"Saya cuma berharap hujan tidak lebat dan berterusan sehingga menyebabkan banjir luar jangka," kata pengasas awam itu.

Rugi penduduk Kampung Padang Jawa, Anson Mar Sora, 50 pula berkata, semua perabot dan barang elektrik tidak lagi



LELUK masuk ke Plaza Tol Shah Alam dari Lebuh Jelutong menuju ke Lebuh Raya MVE dan ERE ditakuti air pagi semalam.

menjadi isu kerana sudah rosak dan terpaksa dibuang.

"Kepuasan utama kini adalah menyelamatkan nyawa serta dokumen penting yang masih selamat dalam kejadian banjir baru ini," ujarnya.

Seorang penduduk di kawasan Batu 3, Mukoh, Negeri Aeri, 40 pula memberitahu, hujan sejak awal pagi semalam menyebabkan penduduk di kawasan tersebut bimbang mengenai keselamatan paras air di kediaman masing-masing.

Katanya, dia melihat paras air di Sungai Damansara yang terlewat, bertampanan perompangan penduduk telah naik semula pagi semalam.

Ujarnya, trajangan di kawasan berhampiran pasar raya Giant di Seksyen 13 di sini juga merendahkan beberapa jalan raya sudah ditakuti air dan kenderaan terpaksa menggunakan laluan alternatif untuk mencari jalan keluar.

"Sangat banjir luar. Jadi jalan tertutup. Laluan di Acropolis juga jadi laluan dua hala apabila pemandu terpaksa mengubah laluan bagi mengelak mereka terkandas," katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, Twitter rasmi Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) semalam mengemukakan maklumat segera mengenai orang ramai bagi mengelak daripada melala kawasan laluan Laluan Raya dan Seksyen 20 berhampiran pasar raya Hero di sini kerana keadaan paras air.

"Mohon orang ramai untuk mengelakkan melala kawasan terawat dan berhati-hati semasa melalakan di jalan raya," katanya.

Sementara itu, di laman media sosial dan kampanye WhatsApp pula dibagikan dengan rakaman video serta gambar-gambar laluan yang telah ditakuti air.

Antaranya di Lebuh Raya Utara-Selatan, berhampiran Bukit Jelutong di sini serta Lebuh Raya Utara-Selatan, berhampiran Trobang (Dua) di laluan masuk ke Plaza Tol Shah Alam.

Begitupun, kesemua laluan tersebut sudah boleh dilalui semalam selepas air surut.





<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>23 December 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Alat pembersihan, susu antara yang diperlukan
Muka Surat	:	12

## Alat pembersihan, susu antara yang diperlukan

**SHAH ALAM** - Alat pembersihan rumah seperti penyapu, penyodok, penolak air dan berus serta susu bayi antara keperluan yang diperlukan oleh mangsa banjir.

Tenaga kerja juga dikehendaki bagi mengemas kediaman mangsa memandangkan keadaan banjir di beberapa kawasan telah pulih.

Mangsa banjir di Taman Sri Muda, Mohd Ridzuan Ahmad, 36, berkata, bantuan itu amat diperlukan bagi penduduk di situ memandangkan barangan tersebut masih tidak diperoleh.

"Sekarang ini bantuan makanan memang tidak putus, pakaian juga. Sekarang apa yang kami harap adalah bantuan barangan untuk kemas rumah.

"Rumah kami dipenuhi dengan selut (lumpuh), sampah sarap dan sebagainya," katanya kepada *Sinar Harian* di Taman Sri Muda pada Khamis.

Isteri kepada Mohd Ridzuan, Nur Hidayah Jamaludin, 31, berkata, bantuan susu kanak-kanak juga amat diperlukan.

"Anak saya, Muhammad Harraz, empat tahun dan Lara Humaira, dua tahun hanya minum susu jenama Dugro.

"Jika minum susu lain, mereka akan muntah. Ia akan buat kami lebih risau," ujarnya.

